

## Tidak jangka rebut emas

- 1 SEP 1989

\* Yusoff

MOHAMED Azam Mukhtar, yang memenangi pingat emas dalam kategori Terbuka acara silat olahraga dalam Sukan SEA Ke-15 semalam, adalah pemegang tali pinggang hitam dan kedua dalam taekwondo.

Sebagai peserta taekwondo, beliau telah menyertai beberapa kejohanan antarabangsa dan telah melayakkan diri dalam pertandingan akhir Kejohanan Undangan Taekwondo Dunia pada awal tahun ini.

Mohamed Azam, 24, berkata, beliau bersara daripada taekwondo selepas kejohanan tadi kerana "beberapa masalah" dan mula menumpukan perhatian kepada silat olahraga.

Mohamed Azam, yang masih bujang dan mempunyai ketinggian 1.78 meter, memenangi pingat emas semalam selepas menewaskan Nazri Ibrahim dari Singapura.

Mohamed Azam berkata, beliau tidak pernah menyesal mengalihkan tumpuan daripada taekwondo kepada silat dan akan beriath lebih gigih.

## Silat dijangka terus ditandingkan

- 1 SEP 1989

HARAPAN untuk melihat acara silat olahraga terus ditingkat dalam Sukan SEA di Manila dua tahun dari sekarang, adalah cerah.

Ini berdasarkan kepada persiapan awal Persatuan Silat Antarabangsa (Pesilat), yang akan menghantarkan perwakilannya ke Manila tidak lama lagi.

Malah, difahamkan, beberapa pesilat Filipina yang terdiri daripada para pelajar kini sedang berada di Indonesia mengikuti latihan seni silat yang kini dikenali juga sebagai silat olahraga.

Harapan untuk menyertakan cukup menyukarkan para

anggota Pesilat jika didasarkan kepada populariti acara sukan yang dikenalkan dalam Sukan SEA 1987, bahkan kian mendapat sambutan hangat dari negara-negara peserta. \* Yusoff

Menurut pengurus pasukan Singapura, Mohamed Kaspari, berdasarkan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh anggota Pesilat agar acara sukan ini dikekalkan, maka besar harapannya akan menjadi satu ke-

"Sejauh ini beberapa buah negara anggota telah menunjukkan minat dan mereka sedang berusaha keras untuk menguji agar silat olah-

raga diteruskan dalam Sukan SEA yang akan datang."

Jurulatin Singapura, Mohamed Khamin Said, juga turut mengesahkan bahawa beberapa buah negara anggota Majlis Sukan SEA, juga sedang berusaha meyakinkan wakil Filipina di Sukan SEA ini, agar acara silat sebagai salah satu daripada acara bagi peringat emas.

Para perwakilan Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura yang merupakan anggota penggasas Pesilat, bersama-sama Thailand selaku anggota bersekutu, telah pun menemui perwakilan Manila untuk membentuk

tangan hasrat mereka itu.

Sekiranya ia menjadi kenyataan, maka acara silat olahraga dalam Sukan SEA akan datang bertambah hangat. Ini bererti enam buah negara akan turut serta termasuk para pesilat tuan rumah sendiri yang tidak menyertai sukan di Kuala Lumpur ini.

Awal dari ini pengerusi bersama Jawatankuasa Penganggar Sukan SEA Ke-15, Tan Sri Hamzah Abu Samah, memberi jaminan bahawa silat olahraga akan tetap dipertandingkan dalam temasya sukan di Manila pada 1991.

## Azam emas dapat perak

HOTEL Pan Pacific, yang menjadi tempat penginapan kontingen Singapura menjadi "uh rendah malam kelmarin." \* Yusoff

Para pesilat Singapura yang pulang ke hotel selepas acara itu, telah menyanyikan "Majulah Singapura".

Jadi, bagi para pegawai dan peserta dalam cabang sukan lain, mereka mungkin tertanya-tanya adakah para pesilat Singapura memenangi pingat emas. \* Yusoff

Sebenarnya tidak, tetapi tiga pesilat Singapura mengutip tiga perak, jauh benar daripada ramalan awal seorang pegawai Republik yang menyatakan berpeluang memenangi tiga emas.

- 1 SEP 1989